

JANGAN MUDAH TERPEDAYA SINDIKET *LOVE SCAM*

Oleh: Nurul Fatin Najihah binti Mohamad, 1171826,
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Sering kali kita dengar ramai orang yang terpedaya dengan sindiket penipuan khususnya yang dilakukan dalam talian.

Terdapat banyak sindiket penipuan dalam talian seperti *black money*, cabutan bertuah, *Macau scam* dan *love scam*.

Love scam bermaksud penipuan oleh penjenayah yang menggunakan kata-kata manis dan janji palsu untuk memperdayakan mangsa.

Ia merupakan antara taktik penipu untuk menarik kepercayaan mangsa dengan berpura-pura bersikap romantik seterusnya melakukan penipuan terutamanya terhadap wanita yang mudah terpedaya dengan kata-kata manis dan pujuk rayu mereka.

Kebiasaannya, untuk memudahkan 'kerja', si penipu akan mencari mangsa yang belum berkahwin atau yang mempunyai masalah rumahtangga supaya lebih senang untuk menawan hati mangsa.

Mereka merancang untuk menipu mangsa untuk menyerahkan wang dengan cara halus seperti menagih simpati dan meminta bantuan kewangan.

Kajian terhadap mangsa dilakukan dengan teliti supaya mereka tidak dapat dikesan dan dapat mengumpan mangsa dengan mudah.

Pelbagai helah dilakukan bagi memastikan mangsa masuk ke perangkap. Dalam erti kata lain, si penipu bijak mengambil hati mangsa sebelum dipikat untuk menjadi kekasih atau pasangan hidup.

Setakat ini, kerugian terbesar yang disebabkan oleh sindiket *love scam* oleh seorang individu adalah sebanyak RM3.26 juta menerusi 19 transaksi pemindahan wang yang berlaku sepanjang Ogos hingga September 2018.

Si penipu juga menggunakan modus operandi berpura-pura ingin mengirim hadiah kepada mangsa.

Namun, dia memberi alasan sejumlah wang diperlukan untuk kos penghantaran barang tersebut dari luar negara kepada wanita terbabit.

Mangsa seterusnya mempercayai kekasihnya bulat-bulat dan memindahkan wang yang diminta tanpa berfikir panjang.



Agak menghairankan kerana walaupun ramai yang telah menjadi mangsa sindiket penipuan ini, masih ada lagi yang tidak serik atau mengambil pengajaran daripadanya.

Mungkin mangsa terlampau sunyi dan terdesak memerlukan teman hidup sehingga menyebabkan mereka mudah 'termakan umpan'.

Walaupun pihak polis telah memberi amaran, namun sikap tidak peduli orang ramai telah menyebabkan mereka mudah terpedaya dengan sindiket *love scam*.

Kita hendaklah sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya lebih-lebih lagi jatuh cinta terhadap orang yang baru dikenali terutama dalam laman sosial.

Terdapat kemungkinan kenalan baharu kita itu seorang penjenayah yang terlibat dalam kegiatan *love scam*.



Signs of a Scam



Professes love quickly.
Claims to be from the U.S.,
but is overseas for business
or military service.



Asks for money, and lures
you off the dating site.



Claims to need money
— for emergencies,
hospital bills, or travel.
Plans to visit, but can't
because of an emergency.